

SULIT



SEKOLAH BERASRAMA PENUH

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2023

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1

Kertas 1

Oktober 2023

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.
4. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak termasuk muka hadapan.

© 2023 Hak Cipta BPSBP

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan satu peringkat dalam kitaran perakaunan.

Melibatkan proses pengeposan maklumat daripada buku catatan pertama yang menggunakan sistem catatan bergu.

Apakah peringkat tersebut?

- A Lejar
- B Pelarasan
- C Imbangan duga
- D Penyata kewangan

- 2 Apakah perkembangan perakaunan yang berlaku pada abad ke-17 dan 18?

- A Kaedah penyimpanan rekod dibuat dengan menggunakan kertas dan pen di Mesir
- B Buku perakaunan pertama telah diterbitkan oleh Luca Pacioli
- C Perakaunan kos telah diperkenalkan di England
- D Rekod perakaunan ditemui di Babylonia

- 3 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kos manfaat?

- A Kos tetap ditambah dengan kos berubah
- B Kos yang dikeluarkan untuk seunit barang
- C Kos untuk menyediakan penyata kewangan
- D Kos penyediaan maklumat tidak melebihi nilai maklumat tersebut

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sejenis milikan perniagaan.

- Bilangan pemilik tiada had maksimum
- Menjual syer untuk memperoleh modal

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan Tunggal
- D Syarikat Sendirian Berhad

- 5 Manakah urus niaga yang akan mengurangkan modal perniagaan?

- A Membawa masuk kereta milik sendiri RM30 000 ke dalam perniagaan
- B Jualan tunai barang niaga yang berkos RM1 000 pada harga RM1 200
- C Ambilan barang niaga RM1 200 untuk dihadiahkan kepada ahli keluarga
- D Bayar pembekal dengan cek RM2 400 untuk menjelaskan hutang RM2 600

6 Antara berikut, butiran manakah yang terlibat dalam pengiraan kos jualan?

- I Pulangan keluar
- II Pulangan masuk
- III Angkutan keluar
- IV Angkutan masuk

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

7 Manakah padanan yang **benar**?

| | Perniagaan | Inventori |
|---|--------------------|--------------|
| A | Kedai Jam Cici | Perabot |
| B | Kedai Kain Maju | Mesin kira |
| C | MS Stationery | Set geometri |
| D | Rayan Sport Center | Komputer |

8 Perniagaan Pekan Maju menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

| Kod | Jenis Akaun |
|---------------|----------------|
| 1 000 – 1 999 | Aset |
| 2 000 – 2 999 | Liabiliti |
| 3 000 – 3 999 | Hasil |
| 4 000 – 4 999 | Belanja |
| 5 000 – 5 999 | Ekuiti pemilik |

Apakah cadangan nombor kod bagi Akaun Deposit telefon?


- A 4 210
- B 3 180
- C 2 615
- D 1 020

9 Dokumen berikut diperolehi daripada Gema Mega Sdn. Bhd.


| Bil. | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---------------------------------|-----------------------|----------|----------------------|-----------------|
| 1 | DVD Tour Concert Nana | 20 unit | 30.00 | 600.00 |
| 2 | CD Siti Nurhaliza | 10 unit | 50.00 | 500.00 |
| 3 | Rak CD | 100 unit | 4.00 | 400.00 |
| | | | | 1 500.00 |
| <i>Tolak: Diskaun niaga 10%</i> | | | | 150.00 |
| JUMLAH | | | | 1 350.00 |

(Ringgit Malaysia: Satu ribu tiga ratus lima puluh sahaja)

Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. di K



 Penerima



 Pengurus

Jika bayaran dibuat pada 14 Ogos 2023, berapakah jumlah yang perlu dijelaskan?

- A RM1 350
- B RM1 323
- C RM1 283
- D RM1 200

- 10 Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Butik Seeri.

Pada 11 September 2023, Seeri menggunakan tunai peribadi berjumlah RM250 untuk membeli alat tulis perniagaan

Manakah catatan Jurnal am yang betul?

A Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|---------|--------|-------|--------|
| 2023 | | RM | RM |
| Sep. 11 | Tunai | 250 | |
| | Belian | | 250 |

B Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|---------|--------|-------|--------|
| 2023 | | RM | RM |
| Sep. 11 | Belian | 250 | |
| | Tunai | | 250 |

C Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|---------|------------|-------|--------|
| 2023 | | RM | RM |
| Sep. 11 | Modal | 250 | |
| | Alat tulis | | 250 |

D Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|--------|------------|-------|--------|
| 2023 | | RM | RM |
| Sep.11 | Alat tulis | 250 | |
| | Modal | | 250 |

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Permainan Ammar.

Pada 1 April 2023, Kedai Permainan Ammar mengeluarkan sekeping nota debit kepada Amirul Enterprise.

Apakah buku catatan pertama yang digunakan bagi merekodkan urus niaga tersebut?

- A Jurnal Belian
 B Jurnal Jualan
 C Jurnal Pulangan Belian
 D Jurnal Pulangan Jualan

- 12 Dokumen berikut menunjukkan resit rasmi daripada Pembekal Pakaian Siti.

| SALINAN | | RESIT RASMI | | Resit No: K1103 |
|---|---|---|--|----------------------------------|
| Pembekal Pakaian Siti No. 3 Jalan Siantan, 41000 Klang, Selangor 03-3321 0075 | | | | |
| Tarikh: 6 Mei 2023 | | | | |
| Diterima daripada | : | Butik Aliya | | |
| Ringgit Malaysia | : | Lima Ribu Enam Ratus Tujuh Puluh sahaja | | |
| Untuk bayaran | : | Menjelaskan semua hutang (bernilai RM6 300) | | |
| RM5 670.00 | | | | |
| Tunai / No. Cek: MBB112654 | | | | |
| | | | | <i>Siti</i> _____ Pengurus |

Manakah catatan Buku Tunai yang tepat?

- A
- | Buku Tunai | | | | | | | | | |
|------------|-------------|-----|-------|-------|--------|-------|-----|-------|------|
| Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank | Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank |
| 2023 | | RM | RM | RM | | | | | |
| Mei 6 | Butik Aliya | 630 | | 6 300 | | | | | |
- B
- | Buku Tunai | | | | | | | | | |
|------------|-------|-----|-------|------|--------|-------------|-----|-------|-------|
| Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank | Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank |
| | | | | | 2023 | | RM | RM | RM |
| | | | | | Mei 6 | Butik Aliya | 630 | | 6 300 |
- C
- | Buku Tunai | | | | | | | | | |
|------------|-------------|-----|-------|-------|--------|-------|-----|-------|------|
| Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank | Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank |
| 2023 | | RM | RM | RM | | | | | |
| Mei 6 | Butik Aliya | 630 | | 5 670 | | | | | |
- D
- | Buku Tunai | | | | | | | | | |
|------------|-------|-----|-------|------|--------|-------------|-----|-------|-------|
| Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank | Tarikh | Butir | Dis | Tunai | Bank |
| | | | | | 2023 | | RM | RM | RM |
| | | | | | Mei 6 | Butik Aliya | 630 | | 5 670 |

- 13 Antara berikut, manakah padanan jenis akaun yang betul?

| | Akaun Nyata | Akaun Nominal |
|-----|-------------|---------------|
| I | Modal | Promosi |
| II | Utiliti | Perabot |
| III | Pinjaman | Deposit Sewa |
| IV | Lengkapan | Insurans |

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga yang dilakukan oleh Kedai Buku dan Alat Tulis Tina pada 15 Julai 2023.

Beli alat tulis RM3 400 secara kredit daripada Pembekal Adam

Pilih catatan yang betul.

| | Debit | Kredit |
|---|---------------|---------------|
| A | Belian | Pembekal Adam |
| B | Pembekal Adam | Belian |
| C | Alat tulis | Pembekal Adam |
| D | Pembekal Adam | Alat tulis |

- 15 Butir manakah yang betul untuk menyediakan Akaun Kawalan Belum Bayar?

| | Bahagian Debit | Bahagian Kredit |
|---|------------------|-----------------|
| A | Bank | Angkutan masuk |
| B | Diskaun diterima | Bank |
| C | Pulangan masuk | Belian |
| D | Kontra | Pulangan keluar |

- 16 Akaun manakah yang berada di bahagian debit Imbangan Duga?

- A Overdraf bank
 B Pulangan keluar
 C Faedah atas simpanan
 D Faedah atas pinjaman

- 17 Maklumat berikut diperolehi dari buku perniagaan Attabariy Enterprise.

| | RM |
|-----------------|-------|
| Belian tunai | 5 780 |
| Belian kredit | 6 230 |
| Angkutan masuk | 500 |
| Pulangan masuk | 210 |
| Pulangan keluar | 350 |

Berapakah kos belian?

- A RM5 930
 B RM6 380
 C RM12 160
 D RM12 300

- 18 Apakah rumus modal kerja?

- A Jumlah Aset – Jumlah Liabiliti
 B Aset Semasa – Liabiliti Semasa
 C Modal awal + Untung bersih – Ambilan
 D Aset Bukan Semasa + Aset Semasa – Liabiliti Semasa

- 19 Akaun manakah yang ditutup pada akhir tempoh perakaunan dengan memindahkan bakinya ke Akaun Untung Rugi?

- A Akaun Gaji
 B Akaun Belian
 C Akaun Insuran Belian
 D Akaun Pulangan Jualan

- 20 Pasangan akaun dan baki normal manakah yang betul?

| | Akaun | Baki Normal |
|-----|-------------------------|-------------|
| I | Utiliti belum bayar | Debit |
| II | Insurans Prabayar | Kredit |
| III | Komisen belum terima | Debit |
| IV | Jualan belum terperoleh | Kredit |

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 21 Apakah yang menyebabkan berlakunya hutang lapuk?
- I Pelanggan telah mufliis atau bankrap
 - II Pelanggan tidak dapat dikesan dan telah menghilangkan diri
 - III Pelanggan telah menutup perniagaan lama dan membuka perniagaan baru
 - IV Pelanggan melancong ke luar negara dan mungkin tidak dapat menjelaskan hutangnya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 22 Iffah Enterprise telah membeli sebuah lori RM100 000 pada 1 Julai 2023. Usia guna lori tersebut dianggarkan selama 10 tahun dan mempunyai nilai skrap sebanyak RM30 000.

Berapakah susut nilai tahunan lori tersebut?

- A RM13 000
- B RM10 000
- C RM7 000
- D RM3 000

- 23 Rugi atas pelupusan aset bukan semasa diperoleh apabila ...

| | Nilai buku aset | Harga jualan aset |
|---|-----------------|-------------------|
| A | Tinggi | Rendah |
| B | Tinggi | Tinggi |
| C | Rendah | Rendah |
| D | Rendah | Tinggi |

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis kesilapan dalam imbalan duga.

Belian sebanyak RM4 200 daripada Shaza telah direkod dalam Akaun Shazi

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan saling mengimbangi

- 25 Untung bersih Perniagaan Amani bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023 ialah RM10 200. Kesilapan berikut ditemui selepas untung bersih tersebut dihitung.

Bayaran bagi belanja memperbaiki alatan pejabat RM800 telah direkodkan betul dalam Akaun Bank tetapi tersalah rekod dalam Akaun Alatan Pejabat

Berapakah untung bersih yang baharu?

- A RM8 600
 B RM9 400
 C RM11 000
 D RM11 800
- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pelbagai firma bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

| | Firma Aneesa RM | Firma Izzati RM | Firma Irdina RM | Firma Damia RM |
|---------------|--------------------|--------------------|--------------------|-------------------|
| Untung bersih | 100 000 | 120 000 | 80 000 | 60 000 |
| Modal awal | 200 000 | 400 000 | 200 000 | 300 000 |

Firma manakah yang terbaik untuk membuat pelaburan?

- A Firma Damia
 B Firma Irdina
 C Firma Izzati
 D Firma Aneesa
- 27 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Sentosa.

| | 1 Jun 2022 RM | 31 Mei 2023 RM |
|------------------|------------------|-------------------|
| Jumlah aset | 55 000 | 80 000 |
| Jumlah liabiliti | 30 000 | 20 000 |

Berapakah untung atau rugi bersih Perniagaan Sentosa?

- A Untung bersih RM35 000
 B Untung bersih RM15 000
 C Rugi bersih RM35 000
 D Rugi bersih RM15 000

- 28 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Runcit Aufa.

| | 1 Julai 2022 | 30 Jun 2023 |
|------------------|--------------|-------------|
| | RM | RM |
| Sewa prabayar | 800 | - |
| Sewa belum bayar | - | 1 200 |

Berapakah amaun dalam Akaun Untung Rugi jika pembayaran sewa yang telah dijelaskan RM4 800?

- A RM6 800
 B RM5 200
 C RM4 400
 D RM2 900
- 29 Manakah tindakan yang **benar** menunjukkan kesan kesilapan catatan di Buku Tunai?

| | Situasi kesilapan | Tindakan |
|-----|--|-------------------|
| I | Amaun terlebih catat di sebelah debit Buku Tunai | Debit Buku Tunai |
| II | Amaun terkurang catat di sebelah debit Buku Tunai | Debit Buku Tunai |
| III | Amaun terlebih catat di sebelah kredit Buku Tunai | Kredit Buku Tunai |
| IV | Amaun terkurang catat di sebelah kredit Buku Tunai | Kredit Buku Tunai |

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV
- 30 Manakah merupakan butiran penerimaan belanjawan tunai?
- A Faedah atas overdraf
 B Faedah atas modal Melati
 C Faedah atas pinjaman bank
 D Faedah atas simpanan tetap
- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Hazeem dan Irfan.

| | |
|------------------------------------|--------------|
| Untung bersih | RM 18 000 |
| Pelarasan yang belum diambil kira: | |
| Sewa belum bayar | 300 |
| Insurans prabayar | 600 |

Berapakah agihan kongsi untung Hazeem jika perniagaan tiada ikatan perkongsian?

- A RM9 450
- B RM9 150
- C RM8 850
- D RM8 550

32 Antara berikut, manakah item dalam Ekuiti Pemilik bagi perniagaan Klinik Mala dan Muna?

- I Akaun Semasa Mala
- II Akaun Modal Muna
- III Akaun Pinjaman Muna
- IV Akaun Ambilan Mala

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

33 Butik Amir dan Amirah telah dibubarkan pada 30 September 2023.

Apakah yang menyebabkan perkongsian tersebut dibubarkan?

- I Amirah jatuh sakit
- II Amir meninggal dunia
- III Atas perintah mahkamah
- IV Perkongsian mengalami kerugian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Apakah dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer bagi Umairah Berhad?

- A Ikatan Perjanjian
- B Perlembagaan Syarikat
- C Notis Pemerbadanan
- D Notis Penubuhan

- 35 Pada 1 April 2022, modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi Syarikat Permata Berhad terdiri daripada 800 000 unit syer biasa berjumlah RM400 000 dan 750 000 unit 6% syer keutamaan berjumlah RM1 500 000.

Pada 31 Mac 2023, syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang 6% syer keutamaan dan 6 sen sesyer kepada pemegang syer biasa.

Berapakah jumlah dividen yang perlu dibayar kepada semua pemegang syer?

- A RM69 000
 B RM93 000
 C RM114 000
 D RM138 000
- 36 Kelab Pengguna Jaya mempunyai 250 ahli dengan yuran sebanyak RM25 setahun.

| | 1 April 2022 | 31 Mac 2023 |
|------------------------|--------------|-------------|
| | RM | RM |
| Yuran belum terima | 240 | 260 |
| Yuran belum terperoleh | 420 | 380 |

Berapakah jumlah yuran yang telah dikutip bagi tahun berakhir 31 Mac 2023?

- A RM6 190
 B RM6 230
 C RM6 250
 D RM6 270
- 37 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Rekreasi Taman Kejora.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (petikan)

| | RM |
|-----------------|-------|
| Yuran ahli 2021 | 100 |
| Yuran ahli 2022 | 2 500 |
| Yuran ahli 2023 | 200 |

Maklumat tambahan:

Yuran belum terima pada 1 Januari 2022 dan 31 Disember 2022 masing-masing ialah RM140 dan RM440. Yuran ahli tahun 2021 yang masih tertunggak dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Berapakah yuran ahli yang dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM2 860
- B RM2 900
- C RM2 940
- D RM2 980

38 Manakah komponen kos buruh langsung?

- A Gaji pengurus kilang
- B Gaji penyelia kilang
- C Gaji operator kilang
- D Gaji penyelia stor

39 Maklumat berikut diambil daripada Kilang Keropok Lekor Afiqah.

| | RM |
|--------------------------|--------|
| Kos prima | 96 650 |
| Kos overhead | 5 660 |
| Angkutan keluar | 2 500 |
| Kerja dalam proses awal | 6 120 |
| Kerja dalam proses akhir | 8 560 |

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM97 370
- B RM99 870
- C RM102 370
- D RM104 750

40 Apakah maksud titik pulang modal?

- I Tiada untung atau rugi
- II Kos tetap sama dengan kos berubah
- III Jumlah hasil sama dengan jumlah kos
- IV Lebihan hasil jualan berbanding kos berubah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- KERTAS SOALAN TAMAT -